



Tok Guru Nik Abdul Aziz
gabungan ulama dan pemimpin
– Dato' Ahmad Yakob

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAWAL 1447H | 16-20 NOV 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

**Belanjawan Kelantan 2026
banyak beri manfaat kepada
rakyat**

**Persidangan Dewan Belia Negeri
Kelantan medan membina pemimpin
masa hadapan – Dato' Mohd Amar**

**Kelantan nafi dakwaan pelajar
pondok rendah semangat
cintakan negara**

Tadbir urus tanah inklusif, berintegriti demi kesejahteraan rakyat – Dato' Dr. Mohamed Fadzli

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 November – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen untuk memperkukuh tadbir urus tanah secara teratur, inklusif dan berintegriti bagi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelestarian pembangunan negeri.

Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata pengurusan tanah merupakan teras penting yang memberi kesan langsung kepada struktur ekonomi, kebajikan rakyat dan kelangsungan ekosistem, justeru perlu diurus dengan penuh tanggungjawab.

Beliau menyatakan demikian selepas mewakili Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-82 yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri dan dihadiri wakil Kerajaan Persekutuan serta semua kerajaan negeri.

Menurutnya, MTN kekal sebagai platform nasional yang pent-



ing untuk membincangkan dasar pengurusan, pembangunan dan kawal selia tanah merangkumi sektor perlombongan, pertanian dan perhutanan, selain menyelaraskan aspek perundangan yang berkaitan.

“Mesyuarat turut memberi tumpuan kepada usaha menyelesaikan isu berbangkit berkaitan tanah yang sering menjadi punca kelewatan pelaksanaan projek pembangunan.

“Kerajaan Negeri Kelantan menyokong usaha memperkemas proses ini agar kelulusan dapat

dipercepat tanpa menjejaskan ketetapan undang-undang serta prinsip menghormati bidang kuasa negeri,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli juga memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju secara dasar terhadap cadangan pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), khususnya berkaitan pengurusan tanah demi menjamin kepentingan komuniti Orang Asli.

“Kerajaan Negeri Kelantan mengikuti perkembangan ini den-



Kelantan kekal berpegang pada prinsip pembangunan berdaya tahan, berpandangan jauh, menghormati undang-undang, memelihara kelestarian serta meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan,”

gan teliti bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan realiti setempat dan kepentingan rakyat negeri,” ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa Kelantan kekal berpegang pada prinsip pembangunan berdaya tahan, berpandangan jauh, menghormati undang-undang, memelihara kelestarian serta meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan.

“Itulah kompas yang memandu setiap keputusan negeri,” tegasnya.



Revitalisasi bandar Islami: Kelantan garis agenda kota hidup untuk ummah

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 November — Tema Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025, “Revitalisasi Bandar: Agenda Perancangan untuk Ummah”, disifatkan paling tepat dengan hala tuju pembangunan Kelantan yang memberi tumpuan kepada konsep bandar hidup.

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YBM Tengku Kaya Perkasa, Dato’ Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal menegaskan bahawa revitalisasi bukan hanya proses memperbaharui rupa fizikal kota atau mendirikan struktur baharu. Sebaliknya, ia menekankan usaha menghidupkan kembali fungsi bandar sebagai ruang kehidupan yang menyuburkan ilmu, kesejahteraan dan keterangkuman sosial.

“Revitalisasi membawa erti memperbaharui nadi ekonomi



tempatan, memperkukuh jaringan sosial, memperindah ruang awam serta memastikan persekitaran lebih selamat, selesa dan berdaya budi. Pembangunan sebenar ialah pembangunan yang membina jiwa, bukan sekadar mendirikan bangunan,” katanya ketika berucap merasmikan sambutan HPBS 2025 peringkat Negeri Kelantan, mewakili Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nas-

suruddin Daud, di sebuah hotel di sini, pada Ahad.

Beliau berkata tema HPBS tahun ini turut seiring dengan dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi paksi pembangunan Kelantan sejak sekian lama.

“PMBI menekankan keseimbangan antara kemajuan fizikal dan rohani; antara pembangunan ekonomi dan pemeliharaan alam



sekitar; serta antara keperluan masa kini dan manfaat untuk generasi akan datang,” jelasnya.

Kerajaan negeri, melalui Plan-Malaysia@Kelantan, terus komited memastikan perancangan bandar yang holistik, mampan dan berpaksikan nilai Islam dapat direalisasikan di seluruh negeri, seiring visi menjadikan Kelantan sebagai negeri berkota sejahtera untuk ummah.

Belanjawan Kelantan 2026 banyak beri manfaat kepada rakyat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 November — Belanjawan Negeri Kelantan 2026 berjumlah RM1.02 bilion yang dibentangkan Menteri Besar YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud pada 6 November lalu disifatkan sebagai belanjawan rakyat yang memberi manfaat luas kepada rakyat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Salor YB Saizol Ismail berkata, beberapa fokus dan strategi utama digaris kerajaan negeri bagi memastikan manfaat belanjawan dapat disalurkan secara menyeluruh.

Menurutnya, fokus pembelaan dan pemberdayaan rakyat terus

diperkukuh dengan peruntukan RM134 juta melalui pelbagai bentuk bantuan seperti pembinaan rumah dhuafat, bantuan cakna aulad, bantuan penyakit kronik dan skim kifalah.

“Kerajaan negeri menambah peruntukan pembinaan rumah dhuafat di setiap DUN daripada tiga buah kepada empat buah setahun. Peruntukan di bawah pembealaan dan pemberdayaan rakyat juga dikekalkan setiap tahun dan tidak pernah dikurangkan.

Dengan erti kata lain, Kerajaan Negeri Kelantan cakna terhadap rakyat bermula dari mereka dilahirkan hingga meninggal dunia,” jelasnya dalam rancangan Sisi Pan-

dang, terbitan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG), yang berlangsung di studio IPTG Kompleks Kota Darulnaim hari ini.

YB Saizol turut memaklumkan bahawa kerajaan negeri memperuntukkan dana bagi membangunkan marketplace bertujuan membantu usahawan kecil mempromosikan produk mereka secara lebih sistematik.

“Ramai usahawan kini mempromosikan produk dari rumah atau studio masing-masing. Melalui inisiatif ini, kerajaan menyediakan satu hab digital untuk mempamer dan memasarkan produk mereka. Ini satu langkah yang amat baik,” katanya.

Di bawah fokus keterjaminan makanan dan kemampunan ekonomi, sebanyak 11.6 peratus daripada belanjawan diperuntukkan bagi meningkatkan kualiti pertanian dan memperkukuh zon makanan negeri.

Beliau berkata, kerajaan turut memberi perhatian kepada isu saliran terutama dalam penanaman padi bagi memastikan pengeluaran padi di Kelantan tidak terjejas.

Dari aspek kemampunan ekonomi, kerajaan memfokuskan pembangunan Madinah As-Salam, Madinah Ramadan serta sektor pelancongan sebagai pemangkin pertumbuhan baharu.

Sementara itu, di bawah fokus kesejahteraan rakyat, peruntukan disalurkan bagi menaik taraf infrastruktur seperti jalan kampung dan sistem saliran di kawasan strategik termasuk Tunjong.

“Setiap pembangunan mesti disertai penyelesaian isu infrastruktur supaya tidak menjejaskan penduduk sekitar,” katanya.

Tambahnya, sektor pendidikan turut menerima perhatian signifikan apabila lebih RM100 juta diperuntukkan bagi memperkukuh potensi pendidikan negeri dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, khususnya dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran dan berintegriti.

Menurut Saizol, masyarakat luar turut mengakui kualiti sistem pendidikan di Kelantan, dan kerajaan negeri komited meneruskan usaha meningkatkan pencapaian tersebut.

Tok Guru Nik Abdul Aziz gabungan ulama dan pemimpin – Dato' Ahmad Yakob

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 November - Allahyarham Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat boleh disifatkan sebagai tokoh yang menggabungkan kewibawaan ulama dan kepimpinan dalam diri seorang insan, kata mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob.

Beliau memaklumkan bahawa Allahyarham Tok Guru seorang ilmuwan yang tinggi ilmunya dan pemimpin berjiwa rakyat yang sentiasa memandu masyarakat dengan penuh hikmah dan kesederhanaan.

“Tok Guru adalah pemimpin dan ulama yang sentiasa mengimbangkan kepimpinan dengan ilmu. Keputusan-keputusan beliau dibuat atas asas amanah kepada rakyat, berlandaskan akhlak, ilmu dan prinsip Islam.”

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili YAB Menteri Besar merasmikan Seminar Ketokohan Tok Guru Bentara Setia 4.0 2025, di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut Dato' Ahmad lagi, sifat kepimpinan Allahyarham Tok Guru selari dengan konsep mujaddid seperti disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT mengutuskan kepada umat ini setiap 100 tahun orang-orang yang akan memperbaharui agama ini



daripada penyimpangan.”

Jelasnya, peranan mujaddid bukanlah mencipta ajaran baharu, sebaliknya menghidupkan kembali kefahaman agama dengan menjelaskan kebenaran, mengukuhkan ilmu serta memperbaiki kefahaman umat tanpa menukar prinsip syariah.

Katanya lagi, mujaddid juga boleh terdiri daripada individu atau kelompok ulama yang berperanan melakukan pembaharuan pada zaman masing-masing.

Oleh yang demikian, Tok guru adalah mujaddid yang memandu masyarakat kepada kebenaran Islam bukan sekadar soal kuasa atau pentadbiran tetapi berpandu kepada ilmu, akhlak dan prinsip Islam.

“Setiap keputusan yang diambil oleh Tok Guru telah dirancang dengan kesedaran bahawa tanggungjawab terhadap rakyat adalah amanah yang harus dipenuhi dengan keadilan, kasih sayang dan hikmah.

“Dengan gabungan ilmu, akhlak dan kepimpinan yang dimiliki Tok

Guru, beliau mampu menyatukan masyarakat yang datang daripada pelbagai latar belakang, memperkukuhkan perpaduan dan membina keharmonian,” jelasnya.

Sebanyak empat pembentangan mengenai keperibadian dan ketokohan Tok Guru dikemukakan pada majlis tersebut.

Pembentangan pertama oleh Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Prof. Dr Mazlan Ibrahim, menyentuh aspek tafsir al-Quran dalam kuliah-kuliah Tok Guru.

Pembentangan kedua oleh Pengarah Intitut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia, Profesor Emeritus Dato' Dr Johari Mat pula meneliti falsafah pentadbiran Tok Guru dalam membentuk masyarakat berteraskan prinsip Islam.

Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Dr Nirhisham Md Nawawi tampil dengan pembentangan tentang Tok Guru sebagai tokoh keamanan yang memupuk keharmonian masyarakat.

Manakala Dr Mohamad Khair-

“

Tok Guru adalah pemimpin dan ulama yang sentiasa mengimbangkan kepimpinan dengan ilmu. Keputusan-keputusan beliau dibuat atas asas amanah kepada rakyat, berlandaskan akhlak, ilmu dan prinsip Islam.”

ulnizam Mohd Nasir dari Universiti Malaya (UM) membicarakan dimensi hadis dalam pemikiran dan pengajaran Tok Guru.

Daripada keseluruhan pembentangan, Dato' Ahmad meumuskan bahawa Allahyarham Tok Guru merupakan tokoh mujaddid dalam konteks zaman ini yang merupakan seorang ulama, pemimpin, pendidik, penyatu masyarakat serta pejuang keamanan.

“Penyatuan ummah merupakan teras utama setiap tindakan Tok Guru. Islam menekankan bahawa perpaduan adalah asas kekuatan dan kesejahteraan masyarakat. Keperpaduan bukan untuk bertelingkah, tetapi harus dihargai sebagai sumber kekuatan,” katanya.

Turut hadir, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Dato' Md Anizam Ab Rahman, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim dan Ahli Dewan Negara YB Senator Dr. Wan Martina Wan Yusof.



Program SOF perluas amalan pertanian lestari di Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 November – Program Semarak Organik Al-Falah (SOF) khususnya tanaman padi organik merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperluas amalan pertanian organik di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata pelaksanaan program SOF

bertujuan memperkenalkan penggunaan baja organik yang lebih mesra alam, mampu memulihkan struktur tanah serta berpotensi meningkatkan hasil padi secara mampan.

“Pendekatan ini bukan sahaja menyokong keseimbangan ekosistem pertanian, malah seiring dengan agenda kerajaan negeri dalam memperkukuhkan sektor pertanian melalui kaedah lestari dan mampan,” katanya menerusi hantaran di

media sosial, pada Ahad.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) selaku pembekal dan pelaksana utama program tersebut, yang memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan serta penyediaan input organik dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Program berkenaan turut mencatat kejayaan apabila berjaya menghimpunkan 400 petani daripada 16 mukim di sekitar kawasan

Dewan Negeri Selising.

Penyertaan tersebut membuktikan komitmen tinggi para pesawah dalam meningkatkan produktiviti melalui kaedah organik yang lebih selamat dan berkualiti.

Sehubungan itu, Dato' Mohd Tuan Saripudin juga berharap program berkenaan dapat memberi impak positif terhadap pengeluaran padi di kawasan terlibat, selain meningkatkan kesejahteraan dan pendapatan pesawah dalam jangka panjang.



Persidangan Dewan Belia Negeri Kelantan medan membina pemimpin masa hadapan – Dato' Mohd Amar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 November – Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' (Dr.) Mohd Amar Abdullah menyifatkan Persidangan Dewan Belia Negeri Kelantan bagi Penggal Pertama Sesi 2025/2026 yang bermula bersidang hari ini sebagai medan untuk membina pemimpin masa hadapan.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari, 17 dan 18 November 2025 itu melibatkan 57 Ahli Dewan Negeri (AND) Belia Kelantan.

Dalam perasmian tersebut, Dato' Mohd Amar merakamkan tahniah kepada Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS), Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) serta Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan (MPAMK) atas kejayaan mengembalikan program Dewan Belia Kelantan yang tertunda sejak 2019 akibat pandemik Covid-19.

Beliau menekankan persidangan tersebut merupakan platform penting untuk membentuk generasi



pelapis negeri, selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diperkenalkan sejak 1990.

Menurutnya lagi, ADN Belia perlu membina diri sebagai pemimpin masa depan, bukan sahaja sebagai wakil rakyat tetapi juga di tempat kerja, universiti dan masyarakat secara umum.

Tambahnya, ADN Belia juga perlu memahami bidang kuasa negeri dan persekutuan, agar setiap pandangan dan kritikan disampaikan kepada pihak yang sepatutnya.

Mengambil inspirasi daripada tokoh-tokoh pemuda dalam sejarah Islam seperti Saidina Ali Abi

Talib, Asma' Abu Bakar, Mus'ab Umair dan Usamah Zaid, Dato' Mohd Amar menyeru ADN Belia agar memahami asas perjuangan Islam.

“ADN Belia perlu ada kefahaman tentang apa yang diperjuangkan. Bila kita terima dengan kefahaman, kita akan gagah untuk memperjuangkan,” katanya.

Beliau turut menekankan cabaran mengekalkan identiti Islam dalam dunia penuh pengaruh liberalisme, sambil memetik kata-kata Saidina Ali, “Jika kamu ingin melihat masa depan sesebuah negara, lihatlah pemuda hari ini.”

Sementara itu, Timbalan Penga-



rah U-BeS Mohd Firdaus Mohamed Nawi, dalam ucapan alu-aluannya mengingatkan bahawa bakal pemimpin muda wajib menjaga akhlak ketika berucap dan menghormati pandangan orang lain.

Beliau menegaskan bahawa setiap perbincangan perlu berpijak di bumi nyata dan berasaskan fakta, sambil menyifatkan persidangan ini sebagai medan berfikir untuk kepentingan ummah dan negara.

Turut hadir, Timbalan Speaker Dewan Belia Negeri Kelantan YB Ahmad Zakhran Mat Noor dan Timbalan Pengarah Program ADN Belia Kelantan Mohd Aiman Saipullah.

Pemikiran Tok Guru merentas zaman, terus jadi rujukan dasar negeri - Dato' Wan Roslan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 17 November - Warisan intelektual dan kepimpinan Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat terus menjadi rujukan dasar negeri apabila prinsip dan gagasan beliau kekal memandu hala tuju pembangunan Kelantan hingga hari ini.

Penegasan itu disampaikan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat ketika menyampaikan ucapan alu-aluan dalam Seminar Ketokohan Tok Guru Bentara Setia 4.0 2025 anjuran Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut Dato' Wan Roslan, Tok Guru merupakan negarawan Islam yang berjaya mengadun ilmu, iman dan kepimpinan sehingga dasar-dasar yang digagaskannya kekal relevan merentas zaman.

"Selama lebih dua dekad



kepimpinan beliau, Tok Guru telah mengangkat martabat Islam sebagai asas pentadbiran dan pembangunan negeri. Gagasan Membangun Bersama Islam bukan sahaja menjadi panduan kerajaan negeri, tetapi turut menjadi model pelaksanaan dasar berteraskan Islam dalam masyarakat," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa kesinambungan dasar tersebut dapat dilihat daripada pelaksanaan Merakyatkan Membangun Bersama Islam dan seterusnya Penghayatan Membangun Bersama Islam, yang membuktikan bahawa ideanya bukan bersifat konservatif, tetapi hidup dan sentiasa berkembang mengikut tuntutan semasa.

Dato' Wan Roslan yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah KIAS menegaskan, seminar tersebut membawa makna tersendiri kerana KIAS sendiri lahir daripada ilham dan pandangan jauh Allahyarham Tok Guru.

"Tok Guru amat menekankan kepentingan ilmu sebagai alat kemajuan dunia. Lebih daripada itu, ilmu ialah jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memperbaiki masyarakat. Maka KIAS perlu kekal menjadi wadah melahirkan insan berilmu, berakhlak, berjiwa dakwah dan memiliki semangat perjuangan Islam sebagaimana yang dicontohkan oleh Allahyarham," ujarnya.



Dalam konteks cabaran pendidikan tinggi masa kini, beliau menegaskan bahawa prinsip Tok Guru masih utuh dan terus relevan.

"Tok Guru mengajar bahawa kemajuan sebenar bukan diukur melalui angka ekonomi atau kemodenan fizikal, tetapi pembangunan insan yang seimbang dari aspek rohani, jasmani, intelektual dan akhlak."

Sehubungan itu, Dato' Wan Roslan menyeru IPTG, KIAS serta institusi negeri lain memperkukuh penyelidikan, inovasi dan pembangunan dasar berteraskan pendidikan Islami, sambil menjadikan pemikiran Tok Guru sebagai inspirasi utama dalam merangka agenda masa depan Kelantan.

Kelantan nafi dakwaan pelajar pondok rendah semangat cintakan negara



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 November – Kerajaan Negeri Kelantan menafikan dakwaan bahawa tahap kecintaan terhadap tanah air (hubbul watan) dalam kalangan pelajar pondok di negeri itu adalah rendah, seperti yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan pada Rabu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Ustaz Mohd Asri Mat berkata, kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengarah Akademi Ken-

egaraan Malaysia (AKM) Pejabat Perdana Menteri Kelantan semalam disifatkan sebagai tidak berasas dan tersasar daripada realiti sebenar pendidikan pondok di negeri itu.

Beliau menegaskan bahawa penilaian terhadap tahap kecintaan kepada negara tidak seharusnya dibuat secara tangkap muat hanya kerana pelajar pondok tidak mengikuti program kenegaraan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Adalah tidak adil untuk mengukur semangat hubbul watan para pelajar pondok semata-mata berdasarkan penglibatan mereka dalam program kenegaraan anjuran kerajaan persekutuan tanpa meneliti kandungan silibus dan aktiviti yang dijalankan di pondok itu sendiri," katanya dalam satu kenyataan yang disiarkan di dalam media sosial, hari ini.

Menurutnya lagi, pondok-pondok di Kelantan mempunyai sejarah panjang dan tersendiri dalam memupuk nilai cintakan tanah air melalui pendekatan ilmu dan tarbiah.

"Tradisi keilmuan turath yang diwarisi daripada ulama terdahulu bukan sahaja membentuk akhlak dan jati diri pelajar, malah telah memainkan peranan penting dalam perjuangan menentang penjajah serta menggerakkan idea kemerdekaan Tanah Melayu.

"Peranan ulama pondok dalam perjuangan kemerdekaan bukanlah rahsia. Mereka mendidik masyarakat dengan semangat juang dan kesedaran menentang penjajahan, yang merupakan manifestasi sebenar cinta kepada tanah air," jelasnya.

Tambahnya, generasi pelajar pondok masa kini masih mengekalkan pendekatan tradisional dalam pengajian sambil menerapkan nilai kenegaraan secara langsung dan tidak langsung melalui sesi talaqqi

serta program tarbiah.

Tegasnya, Kerajaan Negeri Kelantan juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh kefahaman kenegaraan dalam kalangan pelajar pondok, termasuk melalui Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PDPB) yang menganjurkan program, silibus khas dan daurah sejarah ulama pondok yang menonjolkan perjuangan menentang penjajahan serta semangat kemerdekaan.

"Sejarah tidak pernah menipu. Menilai rendah semangat cinta negara dalam kalangan pelajar pondok hanya kerana mereka tidak mengikuti acuan program kerajaan pusat adalah satu penilaian yang tidak bertanggungjawab," tegasnya.

Beliau menegaskan bahawa acuan pendidikan pondok berteraskan keaslian turath Islam, digabungkan dengan pendekatan moden yang sesuai dengan keperluan pelajar masa kini, tanpa mengetepikan nilai asas hubbul watan yang mendalam.

Danau To' Uban: Nadi baharu sosioekonomi desa Kelantan



Oleh: Norzana Razaly

Jika ditelusuri denyut kehidupan masyarakat desa hari ini, salah satu perubahan paling ketara ialah kampung-kampung tradisional makin beralih daripada ekonomi sara diri kepada ekonomi berasaskan ilmu, teknologi dan jaringan sokongan yang tersusun.

Danau To' Uban (DTU) di Pasir Mas ialah contoh paling hidup tentang perubahan ini berupa sebuah danau yang dahulu sunyi bertukar menjadi medan rezeki moden yang menghubungkan dasar kerajaan, aspirasi rakyat dan mobiliti sosial keluarga desa.

Apa yang berlaku di Danau To' Uban bukan sekadar peningkatan angka pengeluaran ikan atau bilangan sangkar yang bertambah, tetapi transformasi budaya kerja, cara berfikir dan harapan sosial masyarakat setempat.

Desa bukan lagi dianggap kawasan pingiran, tetapi ruang eksperimen pembangunan yang membuktikan bahawa apabila akses, ilmu dan sokongan diagihkan secara adil, masyarakat akar umbi mampu bergerak naik bersama.



Pertumbuhan membangunkan manusia

Antara tahun 2021 hingga 2024, pengeluaran akuakultur melonjak daripada 110 tan metrik kepada 227 tan. Pencapaian ini menggambarkan kemajuan ekonomi dan pembentukan kelas pertengahan desa baharu yang lebih stabil dari

sudut pendapatan dan lebih profesional dari segi pengurusan.

Keaktifan 86 penternak mengusahakan lebih 700 sangkar, kita dapat melihat bagaimana perubahan ekonomi mencorakkan struktur sosial positif yang menggambarkan keluarga lebih terjamin, belia kembali menilai desa sebagai ruang masa depan, dan komuniti lebih yakin untuk terlibat dengan teknologi serta inovasi.



ZIA: Keadilan akses yang mengangkat martabat komuniti

Pengisytiharan Zon Industri Akuakultur (ZIA) pada tahun 2021 membuka jalan kepada satu perkara penting dalam pembangunan iaitu kesaksamaan akses.

Sangkar galvanized, rumah operasi, benih terjamin dan sistem bantuan yang lebih telus menjadikan penternak berpeluang memulakan usaha tanpa beban modal terlalu besar. Dalam istilah sosiologi, ini merupakan intervensi yang meratakan peluang agar masyarakat boleh bergerak maju secara kolektif.

Hasilnya jelas, jurang kemahiran mengecil, produktiviti meningkat, dan wujud solidariti kerja sesama penternak.

Impak rantaian ekonomi dan sosial

Apabila nilai industri mencecah RM1.8 juta, limpahan ekonominya bergerak melangkaui sangkar. Pembekal makanan ikan, mekanik

sangkar, pengusaha bungkusan, pembekal ais, pengangkut dan usahawan mikro turut mendapat ruang pendapatan baharu.

Ekosistem ini membentuk satu rantaian sosial yang lebih kukuh yakni keluarga memiliki pendapatan stabil, anak-anak dapat peluang pendidikan lebih baik, dan masyarakat mula mengalami peningkatan taraf hidup yang nyata dan konsisten.



Kelestarian pada skala makro

Momentum pembangunan ini menjadi semakin mantap apabila dasar negeri memperkukuh kerja-kerja lapangan melalui sokongan fiskal yang strategik. Di bawah fokus ketenteraman makanan dan kemampanan ekonomi, sebanyak 11.6 peratus, bersamaan RM118.32 juta, daripada Belanjawan 2026 bernilai RM1.02 bilion diperuntukkan khusus untuk meningkatkan kualiti pertanian serta memperkukuh zon makanan negeri.

Peruntukan signifikan ini mengesahkan bahawa pembangunan Danau To' Uban terjalinkan kukuh dalam rangka besar strategi makro negeri yang berhasrat untuk memperkukuh bekalan makanan sebagai sektor strategik, mengurangkan kebergantungan kepada import, merencanakan inovasi dan kecekapan pengeluaran, serta memantapkan ekosistem pertanian air sebagai salah satu tunggak ekonomi masa hadapan.

Peruntukan ini memperlihatkan hubungan timbal balik yang sihat antara pendekatan dasar negeri menyediakan landasan dan kejelasan hala tuju, manakala komuniti di lapangan membuktikan keberkesannya melalui peningkatan pendapatan, kemahiran serta mobiliti sosial yang makin ketara.



Peningkatan hasil stabil

Kampung Rasal Danau To’ Uban–Sungai Lemal, penyumbang lebih 60 peratus hasil keseluruhan danau, turut memperlihatkan peningkatan stabil setiap tahun. Cadangan untuk mengintegrasikan kawasan ini ke dalam ZIA adalah langkah mewujudkan standard yang seragam, memudahkan pemantauan risiko dan merapatkan jurang antara penternak berpengalaman dan penternak baharu.

Penyatuan ini penting kerana sebuah industri desa yang besar hanya mampu bergerak jauh apabila seluruh komponen bergerak seiring.

Ruang pelancongan ilmu

Dengan perairan yang luas, sangkar yang tersusun dan komuniti yang mesra pelawat, Danau To’ Uban memiliki potensi besar sebagai destinasi agro-ekopelancongan. Laluan pejalan kaki, kiosk produk segar, pusat interpretasi dan restoran terapung bagi menambah pendapatan dan memperkenalkan masyarakat desa sebagai pemegang ilmu, bukannya pengeluar ikan semata-mata.

Ini menukar naratif desa daripada pembekal sumber mentah kepada pengelola pengalaman dan pengetahuan.



Teknologi hijau menyempurnakan naratif pembangunan

Pengiktirafan antarabangsa terhadap Loji Tenaga Solar Terapung Danau Tok Uban sebagai Projek Terbaik Dunia 2025 meletakkan kawasan ini pada peta global. Gabungan akuakultur moden dan teknologi hijau membentuk ekosistem pembangunan yang melangkaui kebiasaan berkonsepkan desentralisasi tenaga, kelestarian biodiversiti dan sinergi dengan komuniti.

Di sinilah terbentuknya identiti baharu masyarakat setempat refleksi desa yang moden, lestari dan mampu berbangga dengan teknologi bertaraf dunia.

Cerminan desa masa depan

Danau To’ Uban hari ini bukan sekadar tapak ternakan ikan. DTU merupakan model transfor-

masi sosial yang menyeluruh, menggabungkan dasar negeri yang responsif dan berpaksikan kesejahteraan rakyat serta infrastruktur moden yang meningkatkan kecekapan dan profesionalisme.

Termasuklah, kesaksamaan akses melalui pelaksanaan ZIA yang menyusun peluang secara adil, limpahan ekonomi yang meresap ke seluruh komuniti desa serta sokongan belanjawan negeri yang konsisten terhadap keterjaminan makanan dan kelestarian sumber.

Ditambah pula dengan suntikan fiskal yang besar dalam Belanjawan 2026, ekosistem ini dijangka terus berkembang, memperkukuh zon makanan negeri serta membantu masyarakat desa bergerak ke arah mobiliti sosial yang lebih stabil dan inklusif.

Pendek kata, DTU simbol kejayaan akuakultur moden. Lokasi ini juga gambaran masa depan desa Kelantan yang berdaya saing, inovatif, lestari dan teguh berpaksikan kesejahteraan rakyat sebagai teras pembangunan.



HPBS serlahkan peranan perancangan bandar inklusif, lestari

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 November – Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2025 peringkat negeri Kelantan menyerlahkan pencapaian Kelantan sebagai Negeri Mampan 2025, sekali gus mengukuhkan peranan perancangan bandar sebagai instrumen utama meningkatkan mutu kehidupan rakyat melalui pembangunan yang teratur, inklusif dan lestari.

Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal ketika merasmikan majlis bagi pihak Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, menegaskan bahawa perancangan bandar kini merentasi sempadan fizikal dan teknikal, meliputi dimensi ekonomi, sosial serta alam sekitar yang saling berkait rapat.

“Pendekatan holistik dan bersepadu amat penting supaya pembangunan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat dan generasi akan datang,” katanya di sebuah hotel di sini pada Ahad.

Beliau turut mengimbas sejarah



perancangan bandar dalam tamadun Islam melalui pembangunan Kota Madinah oleh Nabi Muhammad SAW, yang menjadi model perbandaran teratur merangkumi tadbir urus, pendidikan, ekonomi dan keadilan sosial.

“Daripada asas itulah lahirnya bandar-bandar agung seperti Cordova, Damsyik dan Istanbul yang memadukan kemajuan fizikal dengan kesejahteraan rohani dan budaya,” jelasnya.

Majlis turut menyaksikan penyampaian plak dan sijil Penarafan Bandar Mampan kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melepasi indeks 2025. Majlis Daerah Bachok muncul paling cemer-

lang dengan skor 96.96 peratus, diikuti MPKB-BRI (96.85 peratus), Majlis Daerah Machang (96.61 peratus), Majlis Daerah Gua Musang (95.24 peratus) dan Majlis Daerah Pasir Puteh (95.19 peratus).

Kelantan secara keseluruhannya mencatat 94.36 peratus, sekali gus menerima pengiktirafan Negeri Mampan 2025 oleh Menteri KPKT pada sambutan HPBS Peringkat Kebangsaan bersempena Kongres Bandar Kebangsaan dan MyCity Expo 2025 yang berlangsung di Putrajaya pada Oktober lalu.

Sementara itu, Majlis Daerah Kuala Krai menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia 2025 peringkat negeri, manakala Majlis



Daerah Machang diberi Anugerah Khas oleh Kerajaan Negeri.

Dalam komitmen meningkatkan mutu perkhidmatan PBT, majlis turut menyempurnakan penyerahan Wang Improvement Service Fund (ISF) berjumlah RM5,287,344.40 kepada kesemua 12 PBT, dengan agihan tertinggi diterima Majlis Daerah Pasir Puteh sebanyak RM1,464,843.47.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah bersama Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman.

41 taska swasta terima insentif khas kerajaan negeri



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 20 November – Sebanyak 41 buah taska swasta di seluruh Kelantan menerima Insentif Khas Taska 2025 dengan jumlah keseluruhan RM205,000, sebagai sokongan kerajaan negeri bagi meningkatkan mutu asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Majlis Penyampaian Insentif



tersebut dirasmikan oleh Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim di Bilik Gerakan Negeri, Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau menekankan bahawa pengasuh memainkan peranan penting dalam membentuk generasi beriman dan bertakwa sejak usia awal.

“Pengasuh perlu berusaha mendidik generasi hari ini supaya nega-

ra kita dapat melahirkan generasi yang beriman dan bertakwa,” katanya.

Menurut Dato' Rohani, kerajaan negeri menjadikan pendidikan dan pembentukan manusia sebagai dasar asas melalui Dasar Membangun Bersama Islam, yang menekankan aspek akhlak dan sahsiah dalam setiap institusi masyarakat.

“Mendidik manusia adalah asas pentadbiran kerajaan negeri. Kita

peduli dan cakna bagaimana taska mendidik anak-anak ini.

“Didiklah mereka dengan baik, semoga ada saham dalam pembentukan generasi akan datang,” katanya.

Bantuan insentif diberikan dalam bentuk barangan asas taska seperti peralatan pendidikan awal, kebersihan, keselamatan dan keperluan operasi, serta baik pulih taska termasuk penyelenggaraan asas, menaik taraf ruang pembelajaran dan meningkatkan standard keselamatan.

Tambah Dato' Rohani, insentif berkenaan diberikan untuk mengukuhkan kualiti asuhan dan pendidikan awal, membantu pengusaha taska beroperasi lebih cekap pasca keadaan ekonomi semasa, dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, selamat serta selaras dengan nilai Islam.

Kita nak buktikan **belia di negeri ini berkualiti** – ADN Belia Bunut Payong

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 November – “Kita nak buktikan belia di negeri ini berkualiti dan mampu bersaing dengan mereka yang hebat di luar.”

Demikian penegasan Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Bunut Payong Muhammad Asyraf Roshdi Amin, 19, ketika ditemui selepas penangguhan Persidangan Dewan Belia Negeri Kelantan Penggal Pertama Sesi 2025/2026, semalam.

Asyraf berkata semua usul yang diluluskan dalam persidangan tersebut membawa nilai penting kepada pembangunan negeri dan belia.

“Usul yang diluluskan ini semua baik untuk pembangunan negeri, ekonomi dan belia Kelantan,” katanya.

Beliau turut berharap tindakan susulan dapat dimulakan segera.

“Harapan saya, selepas usul ini diluluskan, biarlah ada gerak kerja yang dilakukan demi kebaikan negeri dan pembangunan ekonomi khususnya golongan belia,” ujarn-



ya.

Manakala ADN Belia Kema-hang Mukminah Mohamad, 24, pula menyifatkan persidangan itu sebagai ruang besar buat anak muda Kelantan menyampaikan suara mereka.

“Saya rasa sangat bersyukur sebagai anak Kelantan, sebagai ADN Belia diberi peluang untuk menyuarakan idea dan pandangan dari sudut belia untuk membantu kerajaan negeri,” katanya.

Sementara itu, ADN Belia Lantikan Khas Ahmad Syakir Mohd Haili, 23, menzahirkan penghargaan kepada Kelantan Future Leader Institute (KFLI) yang menyediakan platform untuk belia

mengangkat idea baharu.

“Terima kasih kepada Kelantan Future Leader Institute kerana memberi peluang kepada ahli-ahli belia untuk memberi suara dan mengangkat idea-idea yang baru,” katanya.

Beliau mengakui suara belia semakin didengari dengan jelas.

“Teruja dan terharu apabila suara belia di Kelantan ini tidak terbungkam, malah didengari,” ujarnya.

Syakir juga mengajak golongan muda terus tampil menyumbang pandangan.

“Saya menyeru semua rakan-rakan belia untuk terus bersama menyuarakan pandangan di set-



iap platform dan semua peringkat. Sama-sama kita majukan belia Kelantan bertepatan dengan Dasar Membangun Bersama Islam,” katanya.

Wakil Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MP-POK) Ismail Yusoff, 23, pula berpuas hati dapat membawa suara komuniti OKU ke Dewan Belia.

“Sangat berpuas hati dapat mengangkat suara OKU dalam sidang ini,” katanya.

Beliau turut mengakui pengalaman berhujah di Dewan memberi keyakinan baharu.

“Ada rasa takut untuk berbahas tetapi saya perlu yakin dengan diri sendiri,” katanya.

‘Jom Igat Ikan Dalam Baruh’ tarik ramai peserta, perkasa pemeliharaan sumber perikanan darat



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 November - Program Pengenalpastian Lubuk Ikan yang berlangsung di MS D’Baroh, Kampung Jerus, Mukim Selising pada Rabu berjaya menarik penyertaan ramai penduduk setempat melalui aktiviti utama “Jom Igat Ikan Dalam Baruh”.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata program anjuran bersama Pejabat Perikanan

Negeri Kelantan itu memberi tumpuan kepada usaha memelihara serta mengurus sumber perikanan darat secara mampan demi kelestarian alam sekitar.

Menurutnya, penganjuran program sebegini bukan sahaja memupuk kesedaran komuniti, malah mengukuhkan kerjasama masyarakat dalam memastikan sumber semula jadi terus terpelihara untuk generasi akan datang.

“Program seperti ini merupakan platform ideal bagi semua pihak berkongsi idea, ilmu dan



pengalaman dalam memperkasakan sektor perikanan, seterusnya menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

“Ia selaras dengan objektif Dasar Agromakanan Negara 2020-2030 untuk mewujudkan rantaian nilai yang tangkas, berdaya tahan serta berasaskan sistem pengembangan yang mampan,” katanya menerusi media sosial pada Rabu.

Dalam program ‘Jom Igat Ikan Dalam Baruh’ kali ini, sebanyak 700 ekor ikan puyu dewasa dilepaskan bagi tujuan tersebut.

Beliau juga turun padang bersama penduduk untuk menyertai aktiviti menggagau ikan, sekali gus mengeratkan hubungan pemimpin dan masyarakat setempat.

Untuk rekod, pada tahun 2024, Kelantan merekodkan 186.9 tan metrik pendaratan perikanan darat dengan nilai RM3.5 juta.

Di Pasir Puteh sahaja, sebanyak 39 nelayan darat menerima elaun sara hidup daripada Jabatan Perikanan, dengan jumlah pendaratan 36.74 tan metrik bernilai RM358,467.

Jabatan Perikanan Negeri Kelantan turut menjalankan aktiviti pelepasan benih ikan ke perairan umum, membabitkan 1.426 juta ekor benih pada tahun lalu.

Bagi daerah Pasir Puteh, sebanyak 70,000 ekor benih udang galah dan baung dilepaskan di Sungai Semerak, manakala 150,000 ekor benih udang galah dilepaskan di Sungai Tasek Pauh.

Shariah Life: “Mewajah Kelantan Sejahtera” perkukuh identiti Kelantan berprinsip islami

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 20 November – Program Shariah Life bertemakan “Mewajah Kelantan Sejahtera” yang diadakan hari ini mengukuhkan lagi keyakinan bahawa identiti negeri Kelantan berasaskan keteguhan prinsip Islam, sekali gus menjunjung Maqasid Shariah sebagai teras pentadbiran dan kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, gabungan antara prinsip Islam dan Maqasid Shariah menjadi ramuan utama dalam mengatur, merancang serta membangunkan negeri, agar pencapaian pembangunan sentiasa selari dengan tuntutan agama dan membawa keberkatan kepada seluruh rakyat.

“Apa yang kerajaan negeri laksanakan adalah manifestasi perintah Allah SWT untuk dipatuhi dengan penuh tanggungjawab.

“Bahkan perintah tersebut turut diiringi dengan peringatan agar tidak menjadikan nafsu sebagai kiblat dalam apa sahaja urusan kehidupan termasuk hal ehwal mentadbir negeri.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Shariah Life: Mewajah Kelantan Sejahtera, tahun

1447H/2025M, di sebuah hotel di sini, hari ini.

Tambahnya, penghayatan terhadap prinsip syariah akan menyebarkan wawasan besar Negeri



Kelantan yang berpegang teguh kepada dasar “Membangun Bersama Islam” sebagai panduan utama pentadbiran kerajaan negeri.

Dasar tersebut merangkumi kekuatan agenda keagamaan, pendidikan, ekonomi, pelaburan serta pembangunan negeri. Strategi Rakyat Membangun Bersama Islam yang dilaksanakan pada fasa pentadbiran lalu kini diperkukuh melalui pendekatan baharu, iaitu Penghayatan Membangun Bersama Islam.

“Syariah Islam tidak boleh dilihat hanya dalam kerangka undang-undang, tetapi turut merangkumi akidah, ibadah, muamalat, akhlak, siasah dan kemasyarakatan,” jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan terus melangkah ke hadapan dengan mengikut kehendak Islam dan tidak pernah mengabaikan keperluan pembangunan negeri, sebaliknya terus komited menyediakan fasiliti dan prasarana demi keperluan rakyat.

“Siapa sahaja yang menjadi kerajaan, tanggungjawab membangunkan negeri hendaklah dilaksanakan.

“Namun ke mana kita pimpin rakyat untuk menjadi hamba Allah yang tunduk dan patuh kepada syariah-Nya memerlukan dasar yang kukuh dalam mengemudi bahtera kuasa ini,” ujarnya.

Program Shariah Life tahun 1447H/2025M turut menampilkan 11 pembentangan kertas kerja oleh pakar dalam pelbagai bidang, antaranya, dalam aspek Pentadbiran dengan tajuk ‘Leadership of Prophet Muhammad SAW’ dibentang oleh

Profesor Dr. Yon Machmudi dari Universitas Indonesia.

Dalam aspek perundangan, pembentangan oleh

Peguambela & Peguamcara, Tetuan Mudzafar & Co.

Mudzafar Shah Mohamad.

Bagi aspek halalan toyyiba, pembentangan dilaksanakan oleh Pegawai Tadbir Agama, Pejabat Agama Islam Seberang Perai

“

Syariah Islam tidak boleh dilihat hanya dalam kerangka undang-undang, tetapi turut merangkumi akidah, ibadah, muamalat, akhlak, siasah dan kemasyarakatan,”

Prof. Adjung Mohd Amri Abdullah.

Dalam bidang sukan, pembangunan dilaksanakan oleh Dr. Mohd Firdaus Abdullah, dari Fakulti Sukan dan Sains Ekseksais, Universiti Malaya.

Dalam majlis itu juga Menteri Besar turut melancarkan sebuah buku yang bertajuk: Implementasi Syariah Pada Era AI, karangan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud.

Hadir sama, Mantan Menteri Besar YB Dato’ Bentara Kanan, Ustaz Dato Ahmad Yakob, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Tengku Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato’ Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato’ Rosnazli Amin dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-Ahli Dewan Negeri Kelantan (ADN).





Shariah Life: "Mewajah Kelantan Sejahtera" perkukuh identiti Kelantan berprinsip islami

Kunjungan hormat ke pejabat Datuk Bandar Betong buka ruang pelancongan dua hala

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 November - Kunjungan hormat delegasi Kerajaan Negeri Kelantan yang di Ketuai oleh Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor ke pejabat Datuk Bandar Betong, Thailand membuka ruang baharu industri pelancongan dan memperkukuh hubungan dua hala serta meneroka potensi kerjasama strategik antara kedua-dua wilayah.

Datuk Kamarudin Md Nor berkata, pertemuan tersebut amat bermakna dalam mempererat hubungan sedia ada selain membincangkan peluang baharu khususnya dalam sektor pelancongan.

Delegasi Kelantan menerima sambutan mesra daripada Timbalan Datuk Bandar Betong Sabree Daemoh yang mewakili Datuk Bandar Betong Chai Vongnittayalup.

Menurut Datuk Kamarudin, perbincangan yang berlangsung sangat konstruktif dan memberi ruang untuk pihaknya meneliti model pengurusan bandar Betong yang terkenal dengan pendekatan

tersusun serta mesra pelancong.

"Beberapa cadangan kolaboratif turut dibincangkan, termasuk pembangunan produk rentas sempadan, pengurusan bandar pelancongan serta perkongsian kepakaran dalam membina pengalaman destinasi yang lebih berkualiti," katanya menerusi media sosial pada Rabu.

Beliau berharap jalinan kerjasama tersebut mampu membuka lebih banyak peluang baharu yang memberi manfaat kepada rakyat dan industri pelancongan kedua-dua wilayah.

Dalam rangka lawatan itu, delegasi yang turut disertai wakil Majlis Daerah Jeli (MDJ) dan Pusat

Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) berkesempatan melawat Winter Flower Garden, atau Suan Muen Buppha di Betong, Yala.

Datuk Kamarudin berkata, lawatan berkenaan memberi peluang besar kepada pihaknya mempelajari teknik penanaman, penjagaan serta pengurusan taman bunga beriklim sejuk yang menjadi tarikan utama daerah tersebut.

Winter Flower Garden yang menampilkan ribuan spesies bunga seperti krisan, mawar, aster dan lili berkembang subur di kawasan tanah tinggi Betong, menjadikannya destinasi bak "musim sejuk" di

“

Lawatan ini amat bermanfaat dalam usaha Kerajaan Negeri Kelantan, dengan sokongan pemain industri pelancongan, untuk meneroka potensi mewujudkan tarikan taman berkonsepkan flora dan landskap berwarna-warni di negeri kita,”

selatan Thailand.

"Lawatan ini amat bermanfaat dalam usaha Kerajaan Negeri Kelantan, dengan sokongan pemain industri pelancongan, untuk meneroka potensi mewujudkan tarikan taman berkonsepkan flora dan landskap berwarna-warni di negeri kita," ujarnya.

Beliau menambah, pihaknya berharap kunjungan ini dapat membuka ruang kerjasama, pertukaran kepakaran dan perancangan jangka panjang agar Kelantan turut memiliki tarikan taman bunga bertaraf antarabangsa pada masa hadapan sekali gus memperkaya ekosistem pelancongan negeri.

